

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

POLITEKNIK
MALAYSIA

Tel : 03-88919000
Faks : 03-88919300
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>
Facebook : politeknik.edu

Ruj. Kami : KPT. JPP(O).603-1/7/2 (3)
Tarikh : 21 Februari 2017

**Pengarah
Politeknik Malaysia**

YH. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

HEBAHAN BANTUAN PELAJAR PEDIDIKAN TINGGI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi akan melancarkan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi bagi tahun 2017 pada 21 Februari 2017 di Majlis Ramah Mesra YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama Pemimpin Mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang bertempat di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dikemukakan siaran media berkenaan pelaksanaan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi bagi tahun 2017 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk perhatian dan hebahan oleh pihak YH. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan.

4. Pegawai kami **En. Nik Mohd Haikal bin Mohamed Hassan** akan sedia membantu pihak YH. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas di talian **03-88919339 / 019-9815139**.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ WAN ZULKIFLY BIN WAN ZAKARIA)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik

s.k Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

PELAKSANAAN BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI BAGI TAHUN 2017

1. Dalam pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan di bawah perkara 229, bagi meningkatkan keberkesanan pemberian Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi, Kerajaan akan menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar.
2. Bantuan ini adalah tanda keprihatinan Kerajaan dalam usaha untuk membantu meringankan kos sara hidup pelajar.
3. Kriteria kelayakan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi adalah seperti berikut:
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berada di Malaysia dalam tempoh pelaksanaan BPPT;
 - c. Sedang melanjutkan pengajian dan berstatus aktif **pada tarikh yang ditetapkan semasa pengumpulan data pelajar iaitu pada 31 Disember 2016.**
 - d. Sedang melanjutkan pengajian di Tingkatan 6, *Senior Middle 3*, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Diploma Kolej Vokasional (Tahun 3 dan 4), Matrikulasi, Pengajian Asas (*Foundation*), Asasi, *A-Level*, Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan kursus profesional yang **bertaraf diploma dan ke atas** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan profesional di Malaysia;
***(pelajar perlu menyemak kelayakan di IPT masing-masing).**
 - e. Menuntut di IPT di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau IPT yang telah berdaftar di bawah akta-akta yang berkuatkuasa; dan
 - f. Sedang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa atau separa masa.
4. Pemberian Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi bagi tahun 2017 sebanyak RM250 akan disalurkan melalui Kad Diskaun Siswa 1Malaysia Debit (KADS1M Debit) daripada Bank Rakyat yang boleh digunakan untuk pembelian bahan bacaan, alat tulis, alatan komputer dan akses internet. Secara keseluruhan, Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi dijangka akan memanfaatkan seramai 1.3 juta pelajar.

Proses Permohonan Oleh Pelajar:

1. Permohonan dilaksanakan secara atas talian melalui laman web Bank Rakyat www.bankrakyat.com.my/bppt (bermula dari 16 Februari sehingga 31 Mac 2017).
2. Setelah permohonan berjaya dilaksanakan, pelajar PERLU MENUNGGU EMEL dari Bank Rakyat sebelum pergi ke Cawangan bagi pengambilan KADS1M DEBIT.
3. Masukkan NO PIN yang sebenar semasa proses pengambilan kad.
4. Lengkapkan pendaftaran Perbankan Internet i-Rakyat.

Dokumen yang diperlukan semasa pengambilan kad:

No	Umur di bawah 18 tahun	Umur 18 tahun dan ke atas
1.	MyKad (Asal & 1 Salinan)	MyKad (Asal & 1 Salinan)
2.	Kad pelajar (Asal & 1 Salinan)	Kad pelajar (Asal & 1 Salinan)
3.	Surat Kebenaran dari ibu / bapa / penjaga	
4.	1 Salinan MyKad ibu / bapa / penjaga, dan	
5.	Sijil kelahiran / sijil anak angkat pelajar/pelanggan (Asal & 1 Salinan)	

Nota :

- Bagi pelajar di bawah 18 tahun, sekiranya tidak membawa dokumen 3, 4 dan 5, cawangan TIDAK DIBENARKAN memberikan Nombor Akaun Simpanan-i dan KADS1M kepada pelajar.
- Surat Kebenaran adalah surat yang ditandatangani oleh ibu / bapa / penjaga yang membenarkan pelajar membuka Akaun Simpanan-i/KADS1M Debit di Bank Rakyat. Dilampirkan adalah contoh Surat Kebenaran.
- Bagi pelajar yang tiada kad pelajar, perlu menyertakan surat pengesahan daripada Institusi Pendidikan masing-masing.
- **Pekedai tidak perlu membuat permohonan pendaftaran bagi menerima pembayaran pelajar menggunakan KADS1M Debit.**

Untuk pertanyaan lanjut, boleh melalui e-mel ke bppt@mohe.gov.my atau menghubungi Urus Setia di talian seperti berikut:

- a) **Kementerian Pendidikan Tinggi (UA/Politeknik/Kolej Komuniti/IPTS/ Institusi Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian/Kerajaan Negeri**

03-88704361/5342/6488/4657

- b) **Kementerian Pendidikan Malaysia (Sekolah/Kolej Matrikulasi/Kolej Vokasional/Institut Pendidikan Guru)**

03-88847616, 03-88847081

Kementerian Pendidikan Tinggi
Putrajaya
21 Februari 2017